

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 28 NOVEMBER 2015 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	RM970 juta promosi produk inovasi	Utusan Malaysia
2.	Belanja RM970 juta untuk penyelidikan produk inovasi – MOSTI	BERNAMA
3.	Audit teknologi SIRIM jadikan PKS tempatan lebih berdaya saing	Utusan Malaysia
4.	Keputusan mengenai kajian peranti, perisa cecair vape diumumkan tidak lama lagi	BERNAMA
5.	SIRIM's technology audit helps SME's become more competitive	New Straits Times
6.	Angin timur 50KM sejam	Harian Metro
7.	Kawasan rendah dilanda banjir kilat	Harian Metro
8.	Amaran angin kencang dan laut bergelora sehingga Ahad	BERNAMA

RM970 juta promosi produk inovasi

Oleh SUFFIAN ABU BAKAR
pengarang@utusan.com.my

■ MELAKA 27 NOV.

SEJUMLAH RM970 juta telah dibelanjakan oleh kerajaan bagi mempromosikan produk dan kerja-kerja penyelidikan produk inovasi tempatan di seluruh negara sehingga 30 Oktober lalu.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad. Diah berkata, jumlah perbelanjaan tersebut melibatkan sebanyak 1,820 projek penyelidikan dan daripada jumlah projek tersebut, sebanyak 714 projek telah berjaya disiapkan.

Pun begitu menurut beliau, jumlah projek yang telah disiapkan itu dianggap masih rendah dalam bidang pengkomersialan apabila hanya lapan peratus daripada produk berkenaan berjaya dipasarkan di peringkat antarabangsa.

"Kita tidak ragu terhadap budaya inovasi dalam kalangan pelajar di negara ini kerana kita mempunyai silibus, kaedah pengajaran, kemudahan makmal dan pendedahan

yang terbaik. Ada dalam kalangan pelajar sama ada di sekolah berasrama penuh atau sekolah biasa berjaya menghasilkan produk-produk inovasi yang bermutu tinggi di peringkat antarabangsa.

"Apa yang membimbangkan kerajaan adalah persediaan kita untuk mengkomersialkan

produk itu selepas dihasilkan kerana untuk memasarkan sesuatu produk bertaraf antarabangsa, kita perlu mempunyai modal dan bekalan bahan mentah yang mencukupi," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menu-tup Kem STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) melibatkan pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), di sini semalam.

Kem STEM selama enam hari itu dianjurkan oleh MRSM Terendak dengan kerjasama UTeM, Mara dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) menghimpunkan sebanyak 300 pelajar dari semua MRSM dan SBP di seluruh negara.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTeM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Razali Muhamad; Timbalan Ketua Pengarah (Pendidikan) Mara, Abdul Halim Abas; Timbalan Presiden (Pembangunan Pelajar dan Daya Hidup Kampus) UniKL, Prof. Dr. Khairanum Subari; Pengarah Mara Melaka, Fazli Rizal Ismail dan Pengetua MRSM Terendak, Roslam Yusoff.

Menurut Abu Bakar, kementerian memperuntukkan dana teknologi bernilai RM3 juta kepada mana-mana pencipta yang menunjukkan usaha meyakinkan untuk menghasilkan sesuatu produk inovasi sebagai persediaan awal mereka mencipta produk dan seterusnya mengkomersialkan hasil ciptaan itu.

Namun katanya, setiap ciptaan itu walaupun memenuhi keperluan akademik tetapi perlu memenuhi keperluan pasaran termasuk mempunyai bekalan bahan mentah yang mencukupi.

Beliau dalam pada itu turut melahirkan keyakinan kementerian mampu mencapai sasaran 360 produk penyelidikan melibatkan semua sektor dan jabatan di negara ini untuk dikomersialkan menjelang 2020.

Abu Bakar berkata, dalam jumlah kira-kira 60 projek inovasi dihasilkan setiap tahun pihaknya yakin jumlah itu mampu dicapai kerana belum dikira pelbagai produk inovasi yang dihasilkan oleh jabatan atau kementerian lain dan dikumpulkan oleh pihaknya untuk dikomersialkan.



ABU BAKAR



Belanja RM970 Juta Untuk Penyelidikan Produk Inovasi - MOSTI

ALOR GAJAH, 27 Nov (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) telah membelanjakan RM970 juta bagi 1,820 projek melibatkan kerja-kerja penyelidikan dan penciptaan produk inovasi tahun ini sehingga 30 Okt lepas.

[Timbalan Menterinya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#) berkata daripada jumlah tersebut sebanyak 714 projek telah berjaya disiapkan.

"Daripada 714 buah projek ini, hanya lapan peratus projek sahaja berjaya dikomersialkan dan kita dalam usaha untuk membanyakkan lagi produk komersial, kita menggalakkan lebih ramai lagi penyelidik menghasilkan produk inovasi yang boleh dikomersialkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan penutup Kem Stem (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) melibatkan pelajar Maktab Rendah Sains Mara dan Sekolah Berasrama Penuh di Universiti Teknikal Malaysia Melaka di sini.

Abu Bakar berkata MOSTI menasaskan sebanyak 360 produk berimpak tinggi hasil daripada penyelidikan dan pembangunan sektor awam dan swasta dapat dikomersialkan pada tahun hadapan sempena Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016.

Beliau berkata setakat tahun ini, MOSTI berjaya mengkomersialkan sebanyak 65 jenis produk inovasi berimpak tinggi termasuk yang dikelolakan agensi-agensinya.

"Setakat Sept tahun ini, sebanyak 65 produk inovasi berimpak tinggi berjaya dihasilkan di bawah MOSTI dan produk ini aktif di pasaran. Kerajaan menyediakan RM1.5 bilion untuk disalurkan kepada kementerian-kementerian terlibat dengan MOSTI bertindak sebagai penyelaras," katanya.

Dalam pada itu beliau meminta para penyelidik tempatan dan juga pelajar sekolah supaya melakukan lebih kajian bersifat lebih komersial dan boleh dipasarkan supaya kadar pengkomersialan hasil penyelidikan dapat ditingkatkan kepada 15 peratus pada 2020 setanding dengan negara-negara maju lain.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 17 TARIKH : 28 NOVEMBER 2015 (SABTU)



SESI perancangan fikiran antara wakil PKS dan perunding dari SIRIM bagi mendapatkan maklum balas tentang teknologi yang diperlukan



PESERTA bengkel pembangunan produktiviti perusahaan kecil dan sederhana bergambar selepas selesai bengkel di Shah Alam, baru-baru ini. - UTUSAN/IZHAM JAAFAR

Audit teknologi SIRIM jadikan PKS tempatan lebih berdaya saing

Oleh ABDUL YAZID ALIAS
ekonomi@utusan.com.my

SHAH ALAM 27 Nov. SIRIM Berhad (SIRIM) agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mengorak langkah dalam usaha pembangunan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) ke arah lebih berdaya maju dan berproduktiviti tinggi apabila berjaya mencapai sasaran pelaksanaan audit teknologi bagi meningkatkan tahap produktiviti operasi pengeluaran syarikat-syarikat itu di negara ini.

Setakat ini, SIRIM telah berjaya melaksanakan lebih 100 peratus audit teknologi ke atas syarikat PKS di dalam pelbagai bidang dengan melepasi sasaran awal sebanyak 150 buah syarikat yang dijangkakan pada tahun ini. Jumlah itu dijangka akan terus meningkat menjelang hujung tahun ini.

Pelaksanaan audit teknologi itu merupakan antara usaha SIRIM dan ia adalah sebahagian daripada Program Penembusan dan Menaiktaraf Teknologi PKS yang dibangunkan agensi itu bersama Institut Fraunhofer, sebuah institut penyelidikan gunaan, pengurusan teknologi dan inovasi dari Jerman dan terkemuka di Eropah.

Malah, program tersebut adalah satu inisiatif SIRIM di bawah usaha penjenamaan semula agensi itu melalui Model Inovasi Perindustrian SIRIM yang berupaya mewujudkan satu ekosistem baharu kepada sektor PKS di negara ini sekali gus menghapuskan persepsi umum bahawa sektor PKS hanya melibatkan pengeluaran berskala kecil, kurang mempunyai inovasi serta penggunaan

teknologi pengeluaran yang rendah.

Naib Presiden Bahagian Penyelidikan dan Teknologi Inovasi SIRIM, Ir. Dr. Mohamad Jamil Sulaiman berkata, pengauditan teknologi ke atas 151 buah syarikat PKS itu tidak hanya melibatkan kepada rupa bentuk produk yang dihasilkan, sebaliknya ia lebih bertumpu kepada penggunaan teknologi meliputi enam komponen utama.

"Enam komponen tersebut ialah produktiviti, trend dalam proses dan kaedah, pengurusan teknologi, pekerja, organisasi dan rangkaian serta strategi teknologi.

"Pengauditan teknologi ini penting bagi memastikan adakah PKS di negara ini menggunakan teknologi dan inovasi yang betul dalam pembangunan serta menjadi budaya dalam industri. "Mengambil contoh di Jepun dan Amerika Syarikat, PKS menjadi tulang belakang kepada kemajuan industri mereka dan budaya pembangunan teknologi dan inovasi telah diterapkan sebagai budaya syarikat-syarikat PKS di negara-negara berkenaan," katanya ketika ditemui di sini.

Mengulas lanjut mengenai pelaksanaan audit teknologi SIRIM ke atas 151 buah syarikat PKS, Mohamad Jamil berkata, pihaknya telah mengenal pasti 37 buah syarikat yang berpotensi untuk pembangunan teknologi dalam pengeluaran yang mana daripada jumlah itu sebanyak 15 buah syarikat telah disarankan untuk menjalani Program Menaiktaraf Teknologi SIRIM yang seterusnya akan melibatkan pembiayaan mudah (*soft loan*) daripada SME Bank.

info

PELAKSANAAN TEKNOLOGI AUDIT SIRIM 2015

■ Bilangan taklimat kepada persatuan dan syarikat	11
■ Bilangan syarikat hadir taklimat	149
■ Bilangan Auditor SIRIM yang dilatih Fraunhofer	77
■ Bilangan syarikat mendaftar untuk Audit Teknologi	167
■ Bilangan Teknologi Audit dilaksanakan	151

Dalam Bajet 2016, kerajaan telah mengumumkan peruntukan RM200 juta menerusi SME Bank di bawah dana Transformasi Teknologi PKS bagi mencapai

sasaran 41 peratus sumbangan PKS kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) negara pada tahun 2020.

"SIRIM, SME Bank, SME Corp.



SIRIM telah berjaya melaksanakan audit teknologi ke atas 151 perusahaan kecil dan sederhana tempatan pada tahun ini.

dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) akan merangka satu kriteria supaya mereka (syarikat-syarikat PKS) memohon pinjaman mudah tersebut yang mana salah satu kriteria permohonan pembiayaan mudah itu ialah perlu menjalani audit teknologi oleh SIRIM. Kita hendak kenal pasti keperluan teknologi yang benar-benar diperlukan," jelasnya.

Bagi tahun 2016, Mohamad Jamil turut menyatakan perancangan pihaknya untuk melatih lebih ramai juruaudit terdiri daripada para jurutera serta penyelidik daripada SIRIM bagi melaksanakan Audit Teknologi pada tahun depan iaitu sebanyak 170 buah syarikat PKS negara ini daripada pelbagai

sektor sama ada makanan dan minuman, minyak dan gas, elektrik dan elektronik dan sebagainya.

Buat masa ini, pihaknya mempunyai 77 juruaudit yang mendapat latihan daripada Institut Fraunhofer dan jumlah itu akan ditambah sekurang-kurangnya 50 orang lagi pada tahun depan.

"Kita berhasrat untuk mengembangkan model pembangunan PKS ini lebih jauh ke hadapan termasuklah melibatkan inisiatif di bawah Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC). Mungkin strategi ini membolehkan Malaysia khususnya SIRIM menjadi peneraju dalam pembangunan model PKS di rantau ini," ujarnya.

Pengauditan teknologi ini penting bagi memastikan adakah PKS di negara ini menggunakan teknologi dan inovasi yang betul dalam pembangunan serta menjadi budaya dalam industri."

**MOHAMAD JAMIL
SULAIMAN**
Naib Presiden
Bahagian
Penyelidikan
dan Teknologi
Inovasi SIRIM





Keputusan Mengenai Kajian Peranti, Perisa Cecair Vape Diumum Tidak Lama Lagi

LARUT, 28 Nov (Bernama) -- Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Hamzah Zainuddin berkata keputusan mengenai kajian terhadap penggunaan peranti dan perisa cecair untuk rokok elektronik atau vape akan diumumkan tidak lama lagi.

Beliau berkata ini kerana sekiranya mahu vape dibenarkan dijual di pasaran, ia perlu memenuhi prosedur dan kriteria yang akan ditetapkan.

Katanya, ketika ini Malaysia tidak mempunyai standard yang boleh diguna pakai terhadap penggunaan peranti dan perisa cecair untuk rokok elektronik.

"Penggunaan peranti dan perisa cecair rokok elektronik itu mesti menepati standard yang telah diguna pakai oleh pihak antarabangsa.

"Apa pun keputusan dibuat nanti adalah keputusan yang boleh diterima oleh semua pihak dan diharap tidak akan timbul isu lagi pada masa akan datang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Majlis Berkhatan Perdana Parlimen Larut di Hospital Selama di sini hari ini.

Hamzah berkata usaha memperkenalkan standard khas itu dibuat dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Kesihatan dan [Sirim Bhd.](#)

"Dari segi cecair vape yang akan digunakan nanti, ia perlu menepati kandungan paras nikotin sama seperti kandungan nikotin yang dibenarkan dalam rokok kerana ada pihak yang mengatakan vape boleh merosakkan kesihatan sementara pihak lain mengatakan ia boleh mengurangkan tabiat merokok.

"Jadi apabila kajian itu telah selesai sehingga analisis yang dilakukan benar-benar saintifik, baharu kita keluarkan satu peraturan dari segi penggunaan dan penjualan yang akan diumumkan nanti," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (NEWS) : MUKA SURAT B5
TARIKH : 28 NOVEMBER 2015 (SABTU)



SIRIM's Research and Technology Innovation division vice-president **Ir Dr Mohamad Jamil Sulaiman** hopes its audits will allow SMEs to evaluate areas they can improve to **increase productivity**.

SIRIM'S TECHNOLOGY AUDIT HELPS SMES BECOME MORE COMPETITIVE

KUALA LUMPUR: Some 150 small and medium enterprises (SMEs) have successfully undergone SIRIM Bhd's technology audit, which was introduced early this year to evaluate the SMEs in terms of their technology management capability and capacity.

The technology audit is a collaboration with Fraunhofer Institute Fraunhofer, a leading German institute for applied research, which provides SIRIM with the tools and frameworks needed to form the basis of technology audits.

Out of the 150 SMEs, 37 have been identified and recommended to undergo SIRIM Technology Upgrading Programme.

Under the programme, SMEs will be exposed to automation of processes and assembly, study and redesign of plant layout, conduct energy audit efficiency initiatives, training courses in productivity eco-innovation programme and innovation workshop by SIRIM and Fraunhofer.

"For this year, 15 companies have been selected and will be undergoing the programme. The remaining 22 companies are slated to undergo the programme next year," said SIRIM's Research and Technology Innovation Division vice-president Ir Dr Mohamad Jamil Sulaiman.

According to Mohamad Jamil, the Fraunhofer framework has been used to develop several technology assessment tools in other countries.

"This has inspired us to adapt some of the tools to suit the needs of

Malaysian SMEs.

"The technology being evaluated relates to the product and production processes as well as factors relating to their application in the company," he said.

As one of the initiatives under the SME Technology Penetration and Upgrading Programme, the technology audit has been developed specifically for Malaysian SMEs, and aims to facilitate the implementation of action plans that will eventually boost productivity and help companies become more competitive and innovative.

Mohamad Jamil said the audit findings have potential to be used to evaluate SMEs requesting for incentives, funds or even loans from SME agencies or financial institutions.

"It is also suitably used to assess companies' readiness in undertaking research and development," he added.

Moving forward, Mohamad Jamil said SIRIM will continue with the SME Technology Upgrading and Penetration programme under the Eleventh Malaysia Plan as to support the mandate given during the National Budget 2015.

"We are targeting 170 companies to be audited next year to identify their innovation gap," he said.

Mohamad Jamil added that the technology audits are the first step for the SMEs to evaluate how they manage technologies in order for them to inculcate an environment of innovation, while helping them develop their com-

Why take advantage of the technology audit?

- ❑ Provides the management of SMEs with an understanding of their strengths and weaknesses, as well as potential points for improvement

- ❑ Facilitates the setting up and implementation of strategic action plans to help SMEs enhance productivity, improve technological management capabilities and move up the value chain

- ❑ A platform for SMEs to become more competitive, innovative and productive, as well as to make their products more accessible in the marketplace

- ❑ Opens up opportunities for SMEs to work with SIRIM or other strategic partners in upgrading technology capabilities and exploring potential improvement strategies, e.g. through mechanisation, automation and/or upscaling

- ❑ Assesses the SMEs' readiness to undertake research and development, and identifies relevant research and development areas that will provide long-term benefits to the SMEs

petitive advantage.

"We hope that the results of these audits will allow SMEs to see areas that they can improve on, which in turn, could increase their productivity and grow businesses," he said.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 14 & 15
TARIKH : 28 NOVEMBER 2015 (SABTU)



PENDUDUK memasang dua kelapang untuk menghalang angin kencang yang berhembus melanda di Kampung Baka.



KADAR pelepasan air di Kolam Bukit Merah dilepaskan secara berperingkat.



ANGGOTA JPAM melakukan rondaan di pesisir pantai Teluk Cempedak ketika musim tengkujuh.

Oleh Mahaizura Abd Malik
 mahaizura@hmetro.com.my
 Kuala Lumpur

Hujan lebat yang melanda beberapa negeri kini akan mula berkurangan selepas kawasan selatan negara menerima kembali tiupan angin Timur yang diramalkan berlaku bermula hari ini hingga Khamis depan.

Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), tiupan angin itu akan menyebabkan hujan pada waktu pagi di negeri pantai timur Semenanjung dan bahagian Timur Sabah.

Selain itu, pada sebelah petang dan awal malam pula hujan dan ribut petir dijangka berlaku di kebanyakan tempat di negeri pantai barat Semenanjung dan barat Sarawak.

Sementara itu, angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dijangka berlaku di kawasan pesisiran Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur dan Sarawak bermula semalam hingga Isnin ini.

Semalam MetMalaysia mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat merah dan jingga bagi negeri Pantai Timur dan Johor dijangka berterusan sehingga hari ini (Sabtu) selepas episod hujan lebat bermula sejak kelmarin.

Amaran hujan lebat peringkat merah dikeluarkan kepada Kota Bharu, Pasir Puteh, Bachok dan Tumpat, Kelantan serta di Terengganu daerah yang terjejas ialah Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Marang, Dungun dan Kemaman.

Bagi amaran peringkat jingga pula dikeluarkan kepada daerah Kuala Krai, Gua Musang, Jeli, Tanah Merah, Machang, Pasir Mas serta Hulu Terengganu.


Selain itu, daerah Mersing, Kota Tinggi, Segamat, Kluang, Kulai dan Johor Bahru, Johor serta Kuantan, Pekan dan Rompin, Pahang turut dikeluarkan amaran jingga berikutan mengalami taburan hujan sederhana lebat.

Kawasan pantai di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur juga terdedah kepada kejadian kenaikan paras air laut dijangka berlaku sehingga hari ini.

ANGIN TIMUR 50KM SEJAM

■ **Amaran merah**
 di Kota Bharu, Pasir Puteh, Bachok dan Tumpat, Kelantan


■ **Amaran jingga**
 di Kuala Krai, Gua Musang, Jeli, Tanah Merah, Machang, Pasir Mas



AWAN gelap berserta ribut petir melanda Putrajaya.

KATEGORI HUJAN

Peringkat kuning



Hujan sederhana dan sekejap boleh menyebabkan kawasan rendah banjir

Peringkat jingga



Hujan sederhana dan lebat berterusan

Peringkat merah



Hujan yang terlampau lebat hingga menyebabkan banjir

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 15
TARIKH: 28 NOVEMBER 2015 (SABTU)

Kawasan rendah dilanda banjir kilat

Kuala Krai: Hujan lebat sejak awal pagi semalam menyebabkan beberapa kampung di kawasan rendah di daerah ini mengalami banjir kilat.

Antara kampung terjejas termasuk Kampung Bedal, Kampung Bukit Sireh, Kampung Chenulang, Kampung Pasir Jering, Kampung Dusun Ban, Batu Pagar, Kampung Dusun Bunut dan Kampung Kebun Pisang.

Terdapat beberapa kampung itu dipercayai mengalami kesukaran untuk keluar disebabkan paras air naik akibat limpahan tali air terdek.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Krai Mohamad Hanif Che Khalid berkata, hujan berterusan menyebabkan paras sungai sekitar meningkat namun tidak membahayakan.

"Kita menyedari ada kawasan rendah yang dinaiki air namun hanya memenuhi pekarangan rumah penduduk. Belum ada panggilan kecemasan daripada penduduk terjejas setakat 7 malam.

"Untuk itu, semua anggota diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga dan bersedia membantu penduduk apabila keadaan memerlukan," kata-

nya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Beliau percaya air mula bertakung di kawasan rendah mulai 3 petang.

Katanya, penduduk dinasihatkan membuat persediaan segera bagi menghadapi kemungkinan banjir dan sentiasa mengawasi ahli keluarga masing-masing.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) sebelum ini mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat merah dan jingga bagi negeri Pantai Timur dan Johor yang dijangka berterusan sehingga hari ini.



Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora Sehingga Ahad

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Amaran angin kencang dan laut bergelora di kawasan perairan Condore, Reef North, Layang-Layang dan Palawan dijangka berterusan sehingga esok.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan hari ini berkata angin kencang timur Laut dengan kelajuan 50 hingga 60 kmsj dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter dijangka berlaku di kawasan itu.

Keadaan ini berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan serta perkhidmatan feri.

Sementara itu, angin kencang berkelajuan 40 hingga 50 kmsj dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter yang berlaku di kawasan perairan Samui, Tioman, Bunguran, Reef South dan Labuan dijangka berterusan sehingga Isnin ini.

Keadaan sama turut dijangka berlaku di perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur, Sabah iaitu di Kudat, Pantai Barat dan Pedalaman, Labuan dan Sarawak dan ia berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

Kawasan pantai di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur terdedah kepada kenaikan paras air laut dan dijangka berterusan sehingga hari ini.

-- BERNAMA